

Jurisprudens, Perlembagaan dan Bahasa Melayu

Polemik tentang jurisprudens, perlembagaan dan bahasa Melayu, jika ada, sudah pasti akan mendapat reaksi yang pelbagai. Namun, setakat ini, tidak ramai yang mahu berbicara tentang isu bahasa dalam konteks perundangan, mahupun perlembagaan. Hal ini dikatakan demikian kerana persepsi tipikal masyarakat umum di negara kita ialah bidang perundangan bukannya ranah yang boleh disentuh secara begitu-begitu sahaja. Hanya mereka yang berkelayakan dan telah menempuhi pengajian dalam bidang berkenaan sahaja yang boleh memperkatakan apa-apa juga perkara yang ada pertautannya dengan ranah berkenaan, walaupun sipi-sipi. Tafsiran perundangan, pada pandangan mereka, bukan boleh dibuat semborono kerana bahasanya diistilahkan sebagai "berbelit-belit" dan sukar untuk difahami. Salah tafsirannya, pasti akan menimbulkan kekeliruan dan suasana yang kurang menyenangkan. Lantaran itu, biarlah mereka yang jauh hari dalam bidang berkenaan sahaja berbicara tentang hal yang sedemikian ini menurut tafsiran dan pandangan yang "tanpa menimbulkan sebarang keraguan".

Persoalannya, tidak bolehkah masyarakat umum mentafsir perkara-perkara yang mudah dan jelas seperti isu bahasa dari perspektif perundangan. Mengelirukah fasal yang berkaitan dengan bahasa dalam sistem perundangan negara? Adakah hujah menegakkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara setara dengan hujah menegakkan kebenaran seseorang yang menghadapi pertuduhan melakukan jenayah berat? Perluah dilantik para juri yang kemudiannya perlu bersidang untuk memutuskan perkara yang sah dan batil berhubung penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi dan sistem pendidikan negara? Andai sudah pasti kita berada dalam suasana terang, mengapa harus bersuluh?

Sistem perundangan negara melalui sejarah yang amat panjang. Jika dijejaki, akan memperlihatkan denai fasa-fasa perkembangan yang menarik untuk dibicarakan. Namun, sebelum menjejaki perkembangan sistem perundangan negara berdaulat ini, elok dirungkaikan pengertian perkataan pokok dalam makalah ini. Jurisprudens dipinjam daripada

kata bahasa Inggeris *jurisprudence*. Istilah tersebut menurut takrif yang dihuraikan dalam *Kamus Dewan* edisi keempat, bermaksud kajian tentang prinsip undang-undang. *Kamus Merriam-Webster* pula mentakrifkan istilah ini sebagai "sains atau falsafah undang-undang; sistem atau badan perundangan; keputusan mahkamah yang dibezakan daripada penggubalan undang-undang atau doktrin; atau jabatan perundangan".

Perlembagaan pula, seperti yang ditakrifkan dalam *Kamus Dewan* edisi keempat bermaksud "undang-undang atau peraturan negeri atau dasar pemerintah negeri". Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan memuktubkan bahawa "Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu." Oleh hal yang demikian, secara tuntasnya perlembagaan merupakan dokumen perundangan tertinggi negara dan apa-apa juga undang-undang yang diluluskan haruslah selaras dengan apa-apa juga perkara, fasal atau klausa yang terkandung dalam perlembagaan.

Bahasa Melayu ialah bahasa Melayu-Polinesia di bawah keluarga bahasa Austronesia yang telah digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia, dan persekitarannya melebihi 1000 tahun lalu. Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Apa pula tautan antara ketiga-tiga elemen ini dalam konteks cakupan perbincangan makalah ini? Secara ringkasnya,

makalah ini cuba menjelaskan kedudukan bahasa Melayu dalam konteks kedaulatannya seperti yang telah diperuntukkan oleh sistem perundangan negara dan penggunaannya secara rasmi dalam apa-apa juga ranah. Bertitik tolak daripada sejarah perundangan negara, kita susuri alur perjuangan memartabatkan bahasa Melayu sehingga termaktub sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara.

Menyusuri tempoh sekitar 600 tahun perkembangannya, sistem perundangan negara telah melalui tiga fasa perubahan, bermula dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15, kemudiannya zaman penyebaran agama Islam dan akhirnya zaman penjajahan British. Semasa puncak kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, Melaka merupakan pelabuhan penting yang sibuk dengan kegiatan urus niaga dan jual beli. Pedagang-pedagang asing datang membawa barang dagangan di samping membawa balik hasil tempatan. Dalam keadaan yang sedemikian, pengekaln keamanan dan kesejahteraan amat penting dan sistem perundangan yang adil dan saksama, di samping pelaksanaannya yang sistematik menjamin pengekaln suasana yang aman dan harmoni. Ranah perundangan dipertanggungjawabkan di bawah bendahara, manakala pelaksanaannya pula diserahkan kepada kebijaksanaan temenggung.

Pada peringkat awal, adat temenggung dijadikan asas sistem perundangan. Seterusnya, diikuti pula penggubalan dan pelaksanaan undang-undang Melaka, iaitu *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. *Hukum Kanun Melaka* merupakan undang-undang yang amat penting

sebagai panduan dalam urusan tadbir Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. *Hukum Kanun Melaka* dapat mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam negara serta menjamin keselamatan rakyat. *Undang-undang Laut Melaka* pula ialah naskhah hukum pelayaran tetap yang menentukan peraturan yang antaranya termasuklah pelayaran dan perdagangan, tugas pegawai kapal, langkah keselamatan dalam kapal, tugas anak-anak kapal, penyewaan dan penumpangan kapal dagang dan kuasa nakhoda menjatuhkan hukuman.

Setelah kemunculan Islam peraturan dan undang-undang melalui fasa pemurnian yang menyaksikan bukan hanya penyerapan akidah kepercayaan yang syumul, tetapi juga peraturan dan syariah yang tersusun rapi yang berpandukan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Penjajahan Portugis tidak meninggalkan kesan yang mendalam terhadap sistem perundangan negara. Hal ini dikatakan demikian berkemungkinan disebabkan pihak berkenaan tidak mahu mencampuri urusan perundangan tempatan kerana hal yang lebih penting ialah peluasan kuasa dan pengaruh.

Era penjajahan British mendatangkan impak yang besar terhadap sistem perundangan negara. *The Royal Charter of Justice* pada tahun 1807 menyaksikan kemasukan undang-undang British (*British Law*). Pada tahun 1926 terbentuk *Court of Judicature of Prince of Wales' Island, Singapore and Malacca*. A *third Charter of Justice* diluluskan pada tahun 1855. Melalui Ordinan 5 1868, *Court of Justice* telah dimansuhkan dan mahkamah baharu telah diperkenalkan, iaitu *Supreme Court, Court of Quarter Session* dan *Court of Appeal*. Undang-

Perlembagaan Persekutuan telah dirangka berdasarkan nasihat daripada Suruhanjaya Reid yang telah melakukan kajian dalam tahun 1956. Perlembagaan berkenaan berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan Malaysia dibentuk berasaskan dua dokumen terdahulu, iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957.

undang Komersial Inggeris (*English Commercial Law*) telah diperkenalkan di Negeri-negeri Selat melalui Seksyen 6, Ordinan Civil, 1878. Kemasukan undang-undang yang diperkenalkan oleh penjajah British sedikit sebanyak mencorakkan undang-undang negara sehingga hari ini.

Perlembagaan Persekutuan telah dirangka berdasarkan nasihat daripada Suruhanjaya Reid yang telah melakukan kajian dalam tahun 1956. Perlembagaan berkenaan berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan Malaysia dibentuk berasaskan dua dokumen terdahulu, iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957. Perlembagaan Persekutuan mengandungi 183 Perkara yang terangkum dalam 15 Bahagian. Antara kandungannya termasuklah kuasa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, bentuk dan tugas Yang di-Pertuan Agung, parlimen, kabinet, hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan bahasa Melayu, dan sebagainya. Doktrin ketertinggian perlembagaan memastikan tidak ada apa-apa juga undang-undang yang digubal dan dibentuk selepasnya mengatasi atau tidak selaras dengan peruntukan yang termaktub di dalamnya.

Kebanyakan perlembagaan memiliki mukadimah (*preamble*) yang dijadikan garis panduan

dalam penterjemahan dan pelaksanaan perkara-perkara yang terkandung di dalamnya. Namun, Perlembagaan Persekutuan termasuk dalam kalangan antara 20 peratus perlembagaan di dunia yang tidak memiliki mukadimah. Terdapat pandangan bahawa mukadimah untuk sesebuah perlembagaan tidak penting. Namun, ada juga golongan yang mempunyai pandangan yang sebaliknya. Akhir-akhir ini timbul usaha dan cadangan golongan yang berkenaan mengesyorkan agar Rukun Negara dijadikan mukadimah Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaannya agar ketertinggiannya terjamin.

Pandangan sepintas lalu tentang jurisprudens dan perlembagaan negara membawa persoalan "nasib" bahasa Melayu dalam konteks pelaksanaannya berlandaskan peruntukan yang digariskan dalam perlembagaan, di samping pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu dalam profesion guaman di negara ini. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menggariskan dengan jelas kedudukan bahasa Melayu seperti yang berikut:

- (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh

Parlimen dengan syarat bahawa;

- (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang digariskan di atas, tidak wujud keraguan tentang kedudukan bahasa Melayu dalam sistem urusan tadbir negara. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang harus digunakan dalam apa-apa juga ranah dengan tidak mengekang hak bertutur, mengajar dan belajar bahasa-bahasa lain. Pemaktuban hal yang sedemikian ini bukan berdasarkan sikap rasis namun, lebih ke arah penyatuan dan keharmonian masyarakat berbilang kaum pada waktu negara mengecapi kemerdekaan. Dalam usia yang begitu muda, kesepaduan berupa elemen penting untuk menjamin terzahirnya impian melahirkan satu bangsa

dan satu negara yang merdeka. Sewajarnya pematuhan pada keluhuran perlembagaan dalam konteks ini dipahatkan dalam jiwa setiap warga, dari setinggi-tinggi kedudukannya hingga serendah-rendahnya. Daulatkan kedudukan bahasa Melayu bersandarkan penetapan perlembagaan.

Dari segi penggunaannya dalam profesion guaman, Fasal 4 menggariskan bahawa:

- (4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris: Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.
- (5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.
- (6) Dalam Perkara ini, "maksud rasmi" ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Dalam konteks ini jelas bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam segala prosiding diberikan

kelonggaran tempoh 10 tahun selepas mencapai kemerdekaan. Dalam erti kata lain, penggunaan bahasa Inggeris tidak lagi dikuatkuasakan penggunaannya dalam apa-apa juga prosiding selepas genap 10 tahun negara mengecapi kemerdekaan. Hari ini, usia kemerdekaan negara lebih setengah abad. Persoalannya, terlaksanakah perkara yang dimaktubkan melalui Fasal 4 berkenaan?

Melihat akan kewajarannya, apa-apa juga prosiding dalam bahasa Melayu memudahkan pemahaman dari segi fakta kes dan pentafsiran peruntukan di bawah undang-undang berkenaan. Tidak dinafikan bahawa khidmat penterjemahan disediakan oleh mahkamah, namun harus diingat bahawa dalam masyarakat yang terdiri daripada berbilang bangsa dan berlainan amalan budaya, sesuatu perkataan boleh membawa makna atau pengertian yang berbeza dari konteks penggunaannya seharian, dalam upacara keagamaan dan sebagainya. Dari segi perundangan, untuk memastikan keputusan yang dibuat adil dan saksama, tidak harus ada elemen "keraguan munasabah".

Memetik maksim perundangan yang terkenal oleh Lord Chief Justice Hewart pada tahun 1924, "bukan sekadar penting, tetapi sangat penting keadilan tidak sahaja harus dilaksanakan, tetapi secara nyata dan tanpa keraguan dilihat terlaksana" (*it is not merely of some importance, but of fundamental importance that justice should not only be done, but should be manifestly and undoubtedly seen to be done*), dapat dirumuskan bahawa dalam bidang perundangan, prinsip keadilan bukan sahaja harus dilaksanakan, namun harus dilihat terlaksana. Seजार



dengan hal yang sedemikian ini, penggunaan bahasa Melayu dalam apa-apa juga prosiding boleh mengelakkan daripada sebarang keraguan akibat ketidaktahaman dan salah tafsiran.

Terjelaskan perjalanan prosiding andai kata bahasa Melayu digunakan? Tercabarkah kewibawaan institusi perundangan jika penggunaan bahasa Melayu dikuatkuasakan sepenuhnya di mahkamah? Pastikah keadilan dan kesaksamaan terjamin andai kata bahasa Melayu tidak digunakan dalam prosiding di mahkamah? Andai kata pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, *Kanun Melayu Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* mampu dikuatkuasakan dengan adil saksama dalam bahasa Melayu, mengapa tidak sekarang? Jawapannya ada pada diri kita. Andai kata kita ingin melihat bahasa kita mencapai tahap bahasa global, kitalah yang seharusnya "menjual" bahasa kita. Janganlah kerana rotan, akar tidak berguna lagi. Bahasa Jiwa Bangsa. DB